



06 JAN, 2025

Trofi Piala Sumbangsih lonjak semangat THT

Berita Harian, Malaysia



THT meraikan kejayaan selepas menewaskan TNB di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil.

(Foto BERNAMA)

Trofi Piala Sumbangsih lonjak semangat THT

Kuala Lumpur: Ketua jurulatih Terengganu Hockey Team (THT), Mohd Harfizi Baharom menyifatkan kejayaan menujuari Piala Sumbangsih melonjakkan motivasi skuad bimbingannya untuk mengharungi saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini.

Kelmarin, THT melaungkan amaran awal apabila merampas Piala Sumbangsih daripada Tengku Ahmad Nasional Berhad (TNB) selepas meraih kemenangan 2-1 dalam perlawanan yang turut menjadi aksi pembuka tirai MHL musim ini itu.

Pada perlawanan di Stadium

Hoki Nasional 2, Bukit Jalil itu, gol THT dijaringkan penyerang kebangsaan, Faisal Saari dan Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil dengan gol tunggal TNB diperoleh menerusi import, Jang Jong Hyun.

“Alhamdulillah, kita bersyukur sebab pemain bermain dengan bersunguh-sungguh dari awal sehingga wisel penamat pada perlawanan ini.

“Saya lihat pemain memang cukup bertekad dari segi mentaliti untuk menang perlawanan ini tanpa menunggu penalti shoot-out dan inginkan kemenangan bersih

sekalipun terlebih dulu ketinggalan,” kata Harfizi.

Mengulas lanjut, Harfizi mengakui persebahan yang dipamerkan anak buahnya masih belum pada tahap diinginkan, terutama daripada sudut keserasian.

“Kalau kita tengok, masih ada beberapa kekurangan yang kita akan cuba atasi selepas ini ketika sesi latihan terutama daripada segi gabungan pemain tempatan dan import. Jadi, kita akan berusaha untuk mendapatkan keserasian itu secepat mungkin.

“Selain itu, kita juga akan cuba untuk tingkatkan balik kita pu-

nya kemahiran menjaringkan gol. Ini kerana kita ada beberapa peluang yang terhidang (semalam), cuma kita tak dapat memanfaatkan peluang itu.

“Apapun, apa yang utama adalah kemenangan ini kita akan jadikan sebagai satu aspek menaikkan moral para pemain untuk mendapatkan kemenangan lebih baik pada musim ini,” katanya.

THT tidak mendapat rehat lama apabila dijadual menentang Maybank dalam perlawanan kedua hari ini dengan TNB dijadual bertemu pasukan TNB Thunderbolt pada Khamis.